

# KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 8.10.2013

M/S : 29

● Catat sejarah rekod tertinggi ● Permohonan kaum Cina meningkat

## Dua juta mohon kerja SPA

Utusan Malaysia  
8-10-2013  
M/S 29



Oleh NORLIZA MOHAMAD ZAKARIA  
utusanmelaka@utusan.com.my

**MELAKA** 7 Okt. - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menerima kira-kira dua juta permohonan jawatan bagi peringkat Persekutuan dalam tempoh sembilan bulan tahun ini.

Pengerusinya, Tan Sri Mahmood Adam berkata, jumlah itu mencatat sejarah kerana merupakan tertinggi berbanding yang pernah direkodkan sebelum ini.

Menurut beliau, jumlah itu tidak termasuk permohonan di peringkat negeri sekali gus menunjukkan jawatan kerajaan kini semakin popular dalam kalangan pencari pekerjaan.

"Peningkatan ini bagi saya kerana pemohon mempercayai SPA dan kemudahan gaji yang semakin baik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Perasmian Persidangan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ke-16 di Banda Hilir di sini hari ini.

Majlis yang disertai sebanyak 150 peserta itu dirasmikan Ketua Men-

nan yang diterima meliputi pelbagai kaum iaitu Melayu sebanyak 1.62 juta orang, Cina (40,892), India (69,865), bumiputera Sabah (137,562), bumiputera Sarawak (103,410) dan lain-lain (40,877).

Katanya, dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, lebih 40,000 daripada jumlah keseluruhan 80,000 kekosongan jawatan telah diisi.

Jumlah pelantikan keseluruhan, katanya, adalah sebanyak 43,454 orang meliputi pelantikan tetap berjumlah 29,009 orang dan pelantikan kontrak (14,445).

"Sekarang ini pun proses pengisian jawatan masih berjalan dan saya percaya dalam tempoh tiga bulan ini jumlah itu akan bertambah meliputi pelbagai perkhidmatan termasuk polis dan tentera," katanya.

Tambahnya, permohonan jawatan daripada kaum Cina bertambah sekali ganda iaitu daripada 20,000 permohonan kepada 40,000 permohonan bagi tempoh sama.

Katanya, SPA melakukan pelbagai pendekatan bagi menggalakkan permohonan daripada pelbagai

KERATAN AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 8 OKTOBER 2013

M/S : 04

## PSC gets overwhelming response to civil service vacancies

**MALACCA:** From January to September this year, the Public Service Commission (PSC) received more than two million applications to fill various vacancies in the civil service, said its chairman Tan Sri Mahmood Adam.

He said this was a record number of applications and it showed the people were keen on the schemes offered by the government to job seekers.

He noted that the schemes are among the

best and are better than those provided by most private companies in the country.

"I also believe the increase is due to various proactive measures we have taken, like holding job interviews at night and during weekends," he told reporters after the opening of the 16th Annual Conference of public service commissions in Malaysia here yesterday.

The four-day conference, which was opened by Malacca Chief Minister Datuk Idris

Haron, is being attended by 150 officers from the PSC, Education Services Commission and the Malacca government.

Mahmood said of the total number, Malays comprised 1.62 million applicants, Sabah bumiputras (137,562), Sarawak bumiputras (103,410), Indians (69,865), Chinese (40,892) and the rest from other races.

"I wish to draw (to everyone's) attention, the response from the Chinese community is

very encouraging, as before this, the number stood at around 20,000 only (in the same time frame)," he said.

They have interviewed 126,487 applicants, with 29,009 hired on a permanent basis and 14,445 on contract, he said.

He expressed confidence that the PSC would be able to fulfill its quota of appointing 80,000 people into the civil service by December. - Bernama

## Lebih dua juta mohon jawatan di SPA

MELAKA - Buat pertama kali dalam sejarah sejak penubuhannya, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menerima lebih dua juta permohonan jawatan dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini.

Pengerusinya, Tan Sri Mahmood Adam berkata, ini berbeza dengan tahun-tahun sebelum ini apabila tidak pernah mencapai jumlah sedemikian walaupun sehingga penghujung tahun.

Menurutnya, beliau percaya SPA menerima banyak permohonan kerana orang ramai semakin percaya kepada perkhidmatan yang ditawarkan jabatan berkenaan.

"Ini membuktikan jawatan kerajaan semakin popular di kalangan masyarakat. Saya percaya kepercayaan ini merujuk kepada sistem kita

yang terbuka. Faktor gaji semakin baik juga menjadi sebab mereka memilih jawatan dalam kerajaan.

"Namun, jumlah itu bagi SPA sahaja, tidak termasuk Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dan negeri-negeri lain," katanya.

Beliau berkata, kejayaan menarik dua juta pemohon itu juga berikutan inisiatif dijalankan SPA dengan mengadakan permohonan secara on-line serta memperbanyakkan lagi sesi temu duga.

"Bagaimanapun, kita memilih pemohon benar-benar berkualiti serta miliki ciri-ciri dikehendaki seperti produktif dan kreatif saja," katanya Persidangan SPA Malaysia Ke-16 di sebuah hotel, dekat Bandar Hilir, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Menteri

Melaka, Datuk Idris Haron.

Sementara itu, Mahmood berkata, kekosongan kira-kira 80,000 jawatan berikutan persaraan kakitangan di bawah SPA awal tahun depan, bakal dipenuhi hujung tahun ini.

"Buat masa sekarang 40,000 telah dipohon dan masih dalam proses. Saya percaya sehingga hujung tahun, angka tersebut akan diisi.

"Ini termasuk bagi perkhidmatan polis dan tentera, kecuali 10 negeri yang ada suruhanjaya sendiri," katanya.

Beliau turut memberitahu, permohonan dari kaum Cina juga menunjukkan peningkatan berganda tahun ini, iaitu 40,892 orang berbanding sekitar 20,000 tiga tahun lalu.



Idris (kanan) menerima buku yang bertajuk 'Transformasi SPA' yang disampaikan Mahmood selepas perasmian Persidangan SPA Malaysia ke-16 di Melaka, semalam.

8.10.2013  
M/S 12  
Sinar Harian

## Lebih 2 juta mohon isi jawatan sektor awam

**MELAKA** - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menerima lebih dua juta permohonan bagi mengisi pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam antara Januari hingga September tahun ini, kata Pengerusinya, Tan Sri Mahmood Adam.

Beliau berkata, jumlah itu merupakan angka tertinggi diperolehi SPA untuk tempoh sembilan bulan pertama setiap tahun dan menunjukkan peningkatan keyakinan rakyat terhadap skim perkhidmatan awam ditawarkan kerajaan.

Katanya, angka itu juga menunjukkan peningkatan minat

rakyat terhadap gaji serta faedah diberikan kerajaan kepada penjawat awam dan merupakan antara yang terbaik, malah mengatasi kebanyakan syarikat swasta di negara ini.

"Saya juga percaya, peningkatan ini hasil daripada usaha kita menambah baik permohonan, antaranya temu duga pada waktu malam dan hujung minggu," katanya selepas majlis perasmian Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Ke-16 di sini semalam.

Persidangan empat hari yang bermula semalam itu dirasmi-

kan Ketua Menteri Melaka, Datuk Idris Haron dan disertai 150 pegawai daripada SPA, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan Kerajaan Negeri Melaka.

Mahmood memberitahu, daripada jumlah itu, sebanyak 1.62 juta permohonan diterima daripada kaum Melayu, Bumiputera Sabah (137,562), Bumiputera Sarawak (103,410), India (69,865), Cina (40,892) dan selebihnya kaum lain.

"Saya ingin menarik perhatian, kita telah menerima peningkatan memberangsangkan bagi permohonan daripada kaum Cina yang sebelum ini ki-

KOSMO  
6 OKT 2013  
M/S

ra-kira 20,000 sahaja," ujarnya. Katanya lagi, SPA telah menemu duga sebanyak 126,487 orang dan daripada jumlah itu, 29,009 dilantik secara tetap manakala 14,445 pula secara kontrak.

Mahmood percaya, SPA akan memenuhi kuota 80,000 lantikan penjawat awam berstatus tetap menjelang akhir tahun ini.

"Kita mencari calon yang memenuhi syarat cepat, tepat dan berintegriti manakala calon dilantik mestilah memenuhi syarat produktif, kreatif dan inovatif, selain syarat utama iaitu setia kepada organisasi," ujarnya.